

Laporan Tahunan 2014

Annual Report

اَوْنُفُوسِيَّتِي تَيَكُونُ لُوْغِي مَبَارَا



9.0 *Amalan 5S*

InQKA telah melancarkan program Amalan 5S pada 3 Jun 2011 di pejabatnya sendiri. Amalan 5S merujuk kepada cara penjagaan ditempat kerja ala Jepun yang juga menggunakan istilah dalam bahasa Jepun iaitu Seiri (Sisih), Seiton (Sapu), Seiso (Susun), Seiketsu (Seragam) dan Shitsuke (Sentiasa Amal). Walaupun menggunakan istilah Bahasa Jepun, namun ia amat relevan dengan sistem penjagaan kebersihan dan kekemasan di persekitaran di negara ini.

Program Amalan 5S dilaksanakan bertujuan memudahkan proses penyampaian perkhidmatan dan latihan di samping memberi pelbagai kesan positif kepada aspek pengurusan pentadbiran, pengawalan stok dan inventori serta persekitaran kerja yang kemas, bersih dan tersusun. Disamping itu, pelaksanaan 5S ini juga bertujuan untuk memberi kesedaran kepada warga InQKA bahawa budaya kerja yang cemerlang dapat dicapai melaluinya.

InQKA telah membentuk Jawatankuasa Induk dan pelaksana bagi menjalankan aktiviti-aktiviti Amalan 5S. Taklimat pendedahan awal Amalan 5S telah diberikan dalam pada mesyuarat kali pertama kepada warga InQKA untuk memahami konsep 5S iaitu Sisih, Sapu, Susun, Seragam, dan Sentiasa Amal.

Aras/zon diwujudkan dan aktiviti seperti program kesedaran, gotong-royong dan lawatan penandaaras telah dijalankan. Sudut-sudut Amalan 5S juga diwujudkan dengan mengikuti kriteria tertentu untuk bahan-bahan yang dipaparkan di situ adalah informatif dan juga untuk memaparkan aktiviti-aktiviti 5S setiap aras/zon.

Pada 11 September 2014, Jawatankuasa Induk 5S telah mengadakan mesyuarat kali pertama bagi tahun 2014. Mesyuarat ini lebih tertumpu kepada perbincangan untuk melakukan gotong-royong mengikut aras. Gotong-royong telah dilakukan di Aras Bawah. Staf pentadbiran telah dibahagikan kepada beberapa zon mengikut kumpulan yang telah dibentuk oleh Ketua Aras Bawah. Konsep 5S – Sisih, Sapu, Susun, Seragam, Sentiasa Amal berjaya dilaksanakan pada hari tersebut. Bagi bulan berikutnya iaitu pada 16 Oktober 2014 dan 20 November 2014, aktiviti 5S dijalankan di ruang kerja masing-masing.

Amalan 5S di InQKA akan diteruskan demi penambahbaikan, peningkatan mutu dan daya pengeluaran untuk kejayaan organisasi dapat dicapai secara berterusan.



Institut Kualiti & Pengembangan Ilmu (InQKA)
Universiti Teknologi MARA
Aras 2, Blok 11,
INTEKMA Resort & Convention Centre,
Persiaran Raja Muda, Seksyen 7,
40000 Shah Alam, Selangor